

UMP kaji bahan bakar berasas air

Usaha hasil tenaga alternatif untuk kenderaan tangani beban harga minyak

Oleh Mohd Rafi Mamat

bhnews@bharuan.com.my

KUANTAN: Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjadi pusat pengajian tinggi pertama di negara ini menandatangani memorandum perjanjian (MoA) dengan syarikat Mega Juara Energy Sdn Bhd (MJESB) bagi menghasilkan bahan bakar daripada air untuk kegunaan kenderaan.

Bidang tenaga alternatif itu bukan saja bagi mengatasi masalah kenaikan harga minyak yang turut menaikkan harga barangan sehingga membebankan rakyat, tetapi ia juga turut mesra alam.

Naib Canselor UMP, Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, kerjasama dengan MJESB untuk menghasilkan

bahan bakar daripada air ini akan memberi kelebihan kepada kedua-dua pihak termasuk pelajar Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam UMP yang terbabit dalam kajian itu.

"Saya berharap kajian ini akan menemui kejayaan membanggakan bukan saja kepada UMP tetapi lebih penting kepada negara walaupun ianya mengambil masa agak panjang.

"Kita berharap kerjasama penyelidikan ini akan men-



UJI: Dr Daing (kanan) dan Aminudin menampal pelekat pada kenderaan yang akan digunakan untuk kajian penggunaan bahan bakar air selepas majlis menandatangani MoU di Dewan Bankuet UMP, Kuantan, kelmarin.

jadi landasan serta tarikan kepada pihak lain untuk turut sama mengadakan kajian dalam apa juga bidang selepas ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis menandatangani MoU itu antara UMP dan MJESB serta Mega Juara Pest Control Sdn Bhd (MJPCSB) di Dewan Bankuet UMP, dekat sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif MJPCSB, Aminudin Md Hafidzin dan Pengarah MJESB, Mohd Fakarudin Badarudin.

Dr Daing Nasir berkata, kerjasama ini adalah manifestasi komitmen penyelidik UMP untuk merealisasikan objektif pelaksanaan pelan strategik UMP bagi tempoh 2008-2010 yang mengutamakan penye-

lidikan, pembangunan dan pengkomersi alannya.

Mengenai MoU dengan MJPCSB, beliau berkata ianya membabitkan usaha menghasilkan sistem rawatan dan pengaliran serta pemusnahan serangga perosak seperti anai-anai secara bioteknologi yang mesra alam berasaskan bahan terbuang.

"Pulpa kelapa sawit yang

sebelum ini dibuang akan menjadi bahan utama menghasilkan umpan tiruan anai-anai dan konsep menggunakan bahan mentah ini terkenal di Amerika Syarikat.

"Selain harga yang murah, bahan yang akan dihasilkan itu turut mesra alam, selamat, mudah dikeluarkan dan memberi sumber pendapat baru," katanya.